

17 MAY 1999

Mahathir-Pelabuhan

MALAYSIA MAHU JADIKAN PELABUHAN KLANG SEBAGAI PUSAT SERANTAU

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mahu menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat serantau setanding dengan Singapura, Hong Kong dan pelabuhan antarabangsa yang lain.

Kerajaan berhasrat untuk membangunkan negara ini menjadi sebuah pusat pengangkutan serantau dan Pelabuhan Klang akan dijadikan sebagai pusat muatan dan pemindahan ke kapal, katanya ketika merasmikan Persidangan Pelabuhan Dunia ke-21 di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata Pelabuhan Klang terletak tidak jauh dari Koridor Raya Multimedia (MSC) dan ia sudah tentu mendapat faedah daripada segala teknologi baru dan pengoperasian MSC.

"Kami menjangka segala amalan dan inovasi di MSC akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan di Pelabuhan Klang," kata Dr Mahathir.

MSC merupakan kawasan meliputi 750 km persegi, dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, yang dikhaskan bagi penyelidikan dan pembangunan perisian dan produk IT.

Dr Mahathir berkata MSC sudah pasti akan merangsangkan pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia.

"Daripada segi pengangkutan ia mungkin tidak menjanakan begitu banyak tetapi secara tidak langsung ia akan menghasilkan lebih banyak perdagangan dan pembuatan di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menjalankan pelbagai langkah untuk menarik kapal-kapal ke Pelabuhan Klang.

Ini termasuk;

- * melonggarkan dasar kabotaj;

- * melonggarkan keperluan ekuiti asing di dalam agensi-agensi perkapalan;

- * menyediakan kemudahan pentadbiran serenti; dan

- * memperbaiki keseluruhan persekitaran pengoperasian pelabuhan.

Dr Mahathir berkata pelabuhan tidak lagi menjadi tempat perlindungan seperti zaman silam bagi kapal-kapal untuk berlabuh, memunggah barang dan menambah stok bekalan makanan dan minuman.

"Hari ini kapal-kapal boleh mengelilingi dunia tanpa bimbang kehabisan minyak atau bekalan. Sekiranya mereka berlabuh di pelabuhan ia adalah kerana mereka perlu memunggah atau mengambil kargo. Oleh itu mereka boleh memilih pelabuhan mana yang mereka ingin kunjungi.

"Sehubungan itu daya tarikan pelabuhan tidak lagi disebabkan oleh lokasinya yang strategik," katanya.

Beliau berkata dengan lebih banyak urusan niaga dan aktiviti berikutan perluasan teknologi maklumat, pelabuhan kini telah menjadi pusat komersil yang utama.

Selepas menyampaikan ucapan, Dr Mahathir merasmikan pameran perdagangan yang berkaitan yang diadakan bersempena persidangan seminggu itu anjuran Persatuan Antarabangsa Pelabuhan (IAPH).

Pada satu persidangan akhbar kemudian, Perdana Menteri ditanya mengenai saingan yang terpaksa dihadapi Pelabuhan Klang dengan pelabuhan yang telah lama wujud di rantau ini.

Dr Mahathir berkata: "Kalau kita dapat mentadbirkan pelabuhan kita secara efisien dan memberi khidmat yang baik kita juga boleh jadi pelabuhan yang utama di wilayah ini...Lagipun kita mempunyai kawasan yang luas untuk mengeluarkan dan mengutip barang."

Beliau berkata tahap perkhidmatan sokongan di pelabuhan-pelabuhan di Malaysia telah dapat dipertingkatkan.

Ia kini lebih baik berbanding beberapa tahun yang lalu, katanya.

"Ini ditunjukkan oleh peningkatan mendadak daripada segi jumlah muatan dan kontena yang dikendalikan sekarang," katanya.

Ini merupakan persidangan kedua anjuran IAPH di rantau ini sepanjang 30 tahun yang lalu. Persidangan pertama diadakan di Singapura pada 1975.

Para analisis sebelum ini meramalkan bahawa pelabuhan-pelabuhan di Malaysia akan mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi dengan pelabuhan utama seperti Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Kuantan, Kemaman, Pasir Gudang dan Bintulu dijangka mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan.

Pelabuhan terbaru di Malaysia di Tanjung Pelepas, Johor Baharu yang dirancang dimajukan sepenuhnya dalam lima fasa, dijadual dibuka pada awal tahun depan dan dijangka memperoleh kargo dari Indonesia, Thailand, Myanmar dan Bangladesh yang sebelum ini dikendalikan oleh pelabuhan Singapura.

-- BERNAMA

GM AHH AKD